

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115
Emel: pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM03.04.01/100-3/3/2 Jld.3 (8)
Rujukan Tuan (Your Ref) :

22 Julai 2013
13 Ramadhan 1434 H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 8/2013

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2014

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat pekeling ini adalah bertujuan untuk menerangkan garis panduan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2014 kepada semua Pusat Tanggungjawab di UTeM.

2.0 PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN

- 2.1 Penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2014 adalah secara tahunan berdasarkan pendekatan Sistem Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) bagi menggantikan Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS). Surat pekeling ini dibaca bersama Pekeling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2012, Pekeling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2013 dan Pekeling Perbendaharaan Bilangan 2 dan Tahun 2013.

- 2.2 Pendekatan menyeluruh di bawah *OBB* meliputi proses bersepadu daripada penyediaan kerangka keberhasilan kepada penyediaan anggaran peruntukan tahunan, penyediaan pelan pemantauan dan penilaian serta pelaporan prestasi program sektor awam.
- 2.3 Penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2014 akan disediakan oleh setiap PTj dan dikumpulkan sebagai cadangan anggaran perbelanjaan UTeM.
- 2.4 Y.Bhg. Naib Canselor selaku pegawai pengawal dikehendaki untuk membuat pengesahan (*sign off*) secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi MyResults yang boleh dicapai melalui URL www.myresults.gov.my.
- 2.5 Semua PTj perlu menghantar cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2014 masing-masing selewat-lewatnya pada **28 Februari 2013** (Khamis) ke Unit Bajet, Pejabat Bendahari sepertimana yang dijelaskan dalam Jadual Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2014 seperti di **lampiran 1**.

3.0 CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS

- 3.1 Dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2014, struktur program dan aktiviti di *MBS* masih digunapakai berasaskan kepada Kerangka Keberhasilan *OBB*.
- 3.2 Bagi penyediaan bajet untuk Dasar Sedia Ada, kaedah penggunaan Batas Perbelanjaan (*Expenditure Target-ET*) masih diteruskan. Sehubungan itu, bajet di bawah dasar ini tidak perlu dimohon oleh PTj kerana Perbendaharaan akan memaklumkan jumlah cadangan ET kepada UTeM.
- 3.3 PTj perlu menyediakan bajet untuk Dasar Baru dan *One-Off* berserta justifikasi lengkap. Ini termasuklah kelulusan Jemaah Menteri atau keputusan-keputusan lain oleh Kerajaan/Agensi Pusat yang perlu ada sebelum permohonan dikemukakan.

- 3.4 Bagi mencapai matlamat kerajaan untuk mengurus defisit secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam berteraskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memberi nilai wang (*value for money*). Setiap PTJ hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa penyediaan cadangan perbelanjaan mengurus;
- 3.4.1 Cadangan perbelanjaan yang disediakan oleh PTJ mestilah selaras dengan Pelan Strategik UTeM 2012-2020 berdasarkan enam tema iaitu *Accelerating Techducation Excellence, Pioneering Future Technology, Moulding Technopreneurial Leaders, Boosting Community Potentials, Talent Management* dan *Financial Independence*.
 - 3.4.2 Perbelanjaan hendaklah disediakan mengikut keutamaan berdasarkan sumbangan kepada *Outcome* secara cekap dan berkesan.
 - 3.4.3 Pertindihan fungsi antara jabatan hendaklah dielakkan.
 - 3.4.4 Memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi.
 - 3.4.5 Memastikan peruntukan emolumen disediakan secukupnya termasuk pegawai/kakitangan kontrak yang dibayar di bawah objek sebagai vot 29000.
 - 3.4.6 Memastikan keperluan peruntukan bagi program-program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Tranformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Inisiatif Pembaharuan Strategik(SRI) dan NBOS diambilkira.
 - 3.4.7 Penyelenggaraan aset kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan diberi keutamaan; dan
 - 3.4.8 Faktor keupayaan untuk melaksana program dan aktiviti oleh PTJ perlu diambilkira.

4.0 CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- 4.1 Penyediaan siling peruntukan bagi Rolling Plan Ketiga (2013-2014) meliputi siling peruntukan tahun 2013 dan 2014. Walau bagaimanapun agihan peruntukan tahun 2014 tertakluk kepada pemeriksaan bajet tahunan.
- 4.2 Sehubungan ini, PTj perlu melaksanakan projek yang telah diluluskan dengan segera dan memastikan projek yang sedang dilaksanakan adalah mengikut jadual agar dapat mencapai *outcome* yang telah disasarkan.
- 4.3 Tarikh akhir untuk mengemukakan pengemaskinian senarai projek bagi tahun 2014 adalah pada **31 Mac 2013** kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPP II).
- 4.4 Selaras dengan penekanan Kerajaan untuk meningkatkan pembiayaan kepada projek pembangunan bukan fizikal, Universiti perlu memberi keutamaan kepada projek seperti peningkatan kemahiran modal insan, program sokongan pembangunan industri dan program penyelidikan dan pembangunan (R&D).
- 4.5 Tarikh akhir untuk mengemukakan cadangan program dan projek baru bagi tahun 2015 melalui SPP II adalah pada **30 Jun 2013** untuk dipertimbangkan oleh UPE.

5.0 PERKARA YANG PERLU DIELAKKAN SEMASA PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN

- 5.1 Menggunakan format selain daripada yang telah ditetapkan.
- 5.2 Tidak melengkapkan maklumat di bahagian justifikasi Dasar Baru dan *One-Off*.
- 5.3 Membuat anggaran perbelanjaan yang terlalu tinggi/rendah tidak menggambarkan keperluan sebenar.

- 5.4 Tidak menyediakan maklumat perbelanjaan yang baru tetapi menyalin semula maklumat tahun lepas.
- 5.5 Maklumat yang diberikan tidak selaras dengan perancangan Universiti.
- 5.6 Tidak membuat semakan maklumat sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari.

6.0 FORMAT PENYEDIAAN BAJET

- 6.1 Setiap PTj dikehendaki menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan berserta justifikasi kukuh seperti format di **lampiran 2**.
- 6.2 Manakala untuk pengiraan terperinci mengenai perbelanjaan yang dimohon adalah menggunakan format **ABM-7**.

7.0 TARIKH KUATKUASA

- 7.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. *Wassalam*.

Yang benar,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



2014

s.k. **Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**
Naib Canselor

Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KALENDAR PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN 2014

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Bengkel Pengenalan Bajet Berasaskan <i>Outcome</i> (OBB)	27 November 2012
2	Pengumpulan maklumat template OBB (NTA & OTA)	28 Nov-04 Jan 2013
3	Pembentangan template NTA &OTA berdasarkan 6 tema Pelan Strategik 2012-2020	08 Januari 2013
4	Taklimat dan perbincangan penetapan keperluan utama UTeM serta penerangan berkaitan template OHA	18 Januari 2013
5	Makluman pekeliling perbendaharaan berkaitan garis panduan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2014	08 Februari 2013
6	Taklimat penyediaan bajet tahun 2014 kepada semua PTj	14 Februari 2013
7	Penghantaran maklumat bajet 2014 oleh setiap PTj ke Pejabat Bendahari	28 Februari 2013
8	Pengumpulan dan semakan maklumat bajet 2014 oleh Pejabat Bendahari	04 Mac 2013
9	Pembentangan / Pemeriksaan bajet PTj kepada Y.Bhg. Naib Canselor	19 Mac 2013
10	Penyediaan draf bajet 2014 setelah dikemaskini	20-21 Mac 2013
11	Draf bajet 2014 diluluskan diperingkat JTK	22 Mac 2013
12	Penghantaran bajet 2014 secara <i>online</i> kepada Kementerian Kewangan	29 Mac 2013

**KERANGKA PENGURUSAN PRESTASI AKTIVITI
BAHAGIAN D: JUSTIFIKASI UNTUK DASAR BARU**

JUSTIFIKASI UNTUK DASAR BARU		Keterangan																					
a	i. Rujukan / Sumber keputusan ii. Sumbangan Kepada 'Outcome' Aktiviti iii. Implikasi jika tidak diluluskan iv. Alternatif dasar dan strategi v. Perkiraan Peruntukan (Linked to ABM)	LAMPIRAN ABM-7																					
b	Butiran Perbelanjaan (Objek Am)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;"></th> <th style="width: 65%; text-align: center;">1 Peruntukan Tahun Bajet 2014 RM</th> <th style="width: 30%; text-align: center;">2 Peruntukan Tahun Bajet 2015 RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>i. Emolumen (10000)</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>ii. Perkhidmatan dan Bekalan (20000)</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>iii. Aset (30000)</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>iv. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000)</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>v. Perbelanjaan - perbelanjaan lain (50000)</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>Jumlah</td><td></td><td></td></tr> </tbody> </table>		1 Peruntukan Tahun Bajet 2014 RM	2 Peruntukan Tahun Bajet 2015 RM	i. Emolumen (10000)			ii. Perkhidmatan dan Bekalan (20000)			iii. Aset (30000)			iv. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000)			v. Perbelanjaan - perbelanjaan lain (50000)			Jumlah		
	1 Peruntukan Tahun Bajet 2014 RM	2 Peruntukan Tahun Bajet 2015 RM																					
i. Emolumen (10000)																							
ii. Perkhidmatan dan Bekalan (20000)																							
iii. Aset (30000)																							
iv. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000)																							
v. Perbelanjaan - perbelanjaan lain (50000)																							
Jumlah																							
c	Keperluan Jawatan	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;"></th> <th style="width: 65%; text-align: center;">1 Tahun Bajet 1 Bilangan Jawatan</th> <th style="width: 30%; text-align: center;">2 Tahun Bajet 2 Bilangan Jawatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>i. Anggota Pentadbiran dan Lanjutan Undang- Undang</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>ii. Kumpulan Pengurusan Tertinggi</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>iii. Kumpulan Pengurusan dan Professional</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>iv. Kumpulan Sokongan</td><td></td><td></td></tr> <tr><td>Jumlah</td><td></td><td></td></tr> </tbody> </table>		1 Tahun Bajet 1 Bilangan Jawatan	2 Tahun Bajet 2 Bilangan Jawatan	i. Anggota Pentadbiran dan Lanjutan Undang- Undang			ii. Kumpulan Pengurusan Tertinggi			iii. Kumpulan Pengurusan dan Professional			iv. Kumpulan Sokongan			Jumlah					
	1 Tahun Bajet 1 Bilangan Jawatan	2 Tahun Bajet 2 Bilangan Jawatan																					
i. Anggota Pentadbiran dan Lanjutan Undang- Undang																							
ii. Kumpulan Pengurusan Tertinggi																							
iii. Kumpulan Pengurusan dan Professional																							
iv. Kumpulan Sokongan																							
Jumlah																							

KERANGKA PENGURUSAN PRESTASI AKTIVITI

BAHAGIAN D: JUSTIFIKASI UNTUK 'ONE OFF'

JUSTIFIKASI UNTUK 'ONE OFF'

		Keterangan	
a	i. Rujukan / Sumber keputusan		
	ii. Sumbangan Kepada 'Outcome' Aktiviti		
	iii. Implikasi jika tidak diluluskan		
	iv. Alternatif dasar dan strategi		
	v. Perkiraan Peruntukan (Linked to ABM)		
b	Butiran Perbelanjaan (Objek Am)	1	2
		Peruntukan Tahun Bajet 2014	Peruntukan Tahun Bajet 2015
		RM	RM
	i. Emolومن (10000)		
	ii. Perkhidmatan dan Bekalan (20000)		
	iii. Aset (30000)		
iv. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000)			
v. Perbelanjaan - perbelanjaan lain (50000)			
Jumlah			
c	Keperluan Jawatan	1	2
		Tahun Bajet 1	Tahun Bajet 2
		Bilangan Jawatan	Bilangan Jawatan
	i. Anggota Pentadbiran dan Lantikan Undang- Undang		
	ii. Kumpulan Pengurusan Tinggi		
	iii. Kumpulan Pengurusan dan Professional		
iv. Kumpulan Sokongan			
Jumlah			